

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**ISU-ISU PENDIDIKAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT
PALA'U DI LAHAD DATU, SABAH***EDUCATION ISSUES AMONG THE PALA'U COMMUNITY IN LAHAD DATU,
SABAH*

Budi Anto Mohd Tamring^{1*}, Mohd Sohaimi Esa^{2*}, Romzi Ationg³, Mohd. Azri Ibrahim⁴, Irma Wani Othman⁵, Siti Aidah Lukin @ Lokin⁶, Sharifah Darmia Sharif Adam⁷

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: budi@ums.edu.my

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mrationg@ums.edu.my

⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mohdazri@ums.edu.my

⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

⁶ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: sitiaida@ums.edu.my

⁷ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: shdarmia@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 15.03.2021

Published date: 30.04.2021

To cite this document:

Tamring, B. A. M., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Othman, I. W., Lukin, S. A., & Adam, S. D. S. (2021). Isu-Isu Pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Pala'u di Lahad Datu, Sabah. *International Journal of Law,*

Abstrak:

Pendidikan bukan lagi dilihat sebagai satu isu yang bersifat lokal atau kenegaraan semata-mata tetapi telah menjadi isu sejagat dan diperjuangkan di seluruh dunia. Pendidikan telah menjadi asas kepada pembangunan masyarakat malah telah menjadi perkara penting dalam agenda mana-mana kerajaan di seluruh dunia. Walaupun demikian, pendidikan mula menimbulkan isu apabila dikaitkan dengan masyarakat warga asing atau masyarakat tidak berwarganegara (stateless). Isu dokumen dan isu status kewarganegaraan merupakan isu hangat yang bukan sahaja boleh menimbulkan isu lain seperti politik dan hubungan antara negara tetapi juga menimbulkan isu lain dalam konteks sosial atau kemanusiaan khususnya dari segi pendidikan. Komuniti Pala'u di Lahad Datu merupakan komuniti yang berhadapan dengan isu status kewarganegaraan selain pelbagai isu lain yang menyukarkan mereka untuk terlibat secara langsung dalam pembangunan di Malaysia. Justeru itu, kajian

Government and Communication, 6
(23), 01-22.

DOI: 10.35631/IJLGC.623001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



yang telah dijalankan di Lahad Datu ini menggunakan kaedah soal-selidik melibatkan seramai 136 responden dan juga menggunakan kaedah temubual yang melibatkan beberapa orang responden bertujuan untuk memahami isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh komuniti Pala'u. Hasil kajian mendapati, budaya tradisi masyarakat Pala'u yang amat terikat dengan laut menyebabkan mereka merasakan pendidikan tidak penting dalam kehidupan mereka. Selain itu, faktor lain seperti buli di sekolah, jarak ke sekolah, sistem petempatan atas perahu yang berpindah randah, dan kesedaran ibu bapa antara sebab mengapa mereka tidak ke sekolah. Dalam konteks perundangan di Malaysia pula, ketiadaan dokumen dan juga status masyarakat Pala'u yang tidak jelas dari segi kewarganegaraan menyebabkan mereka tidak layak diberikan pendidikan seperti yang dinikmati oleh penduduk warganegara Malaysia.

Kata Kunci:

Isu-Isu Pendidikan; Pala'u; Lahad Datu; Sabah

Abstract:

Education is no longer a local or national issue but a universal issue affecting the world today. It has become fundamental to the development of society as well as a key element of any government agenda globally. It also began to play it significant in the community of immigrants or the stateless. The documentation and their citizenship status which are highly debated, thus, have not only sparked another issue such as politics and international relations but also social issues such as humanitarian associated with education. The Pala'u of Lahad Datu has been among the community encountering citizenship and other issues in Malaysia. This study examines the education issues affecting the Pala'u in Lahad Datu, involving 136 participants who provided their responses through a set of survey questionnaires. The study shows that their traditional way of life of being so much attached with the sea made the viewer's education less important. Apart from that, factors such as bullying in the school, access to school, their nomadic nature of life, and low awareness among their parents also have been the reason why they did not attend school. Moreover, the documentation or the citizenship problem also made the Pala'u ineligible to access school according to Malaysia law.

Keywords:

Education Issues; Pala'u; Lahad Datu; Sabah

Pendahuluan

Negeri Sabah merupakan antara negeri yang paling ramai penduduk di Malaysia. Sabah menduduki tempat kedua daripada tiga negeri yang mencatatkan bilangan penduduk yang tertinggi pada suku tahun ke tiga tahun 2020 (Mohd Ridzuan, 2020). Penduduk Sabah yang ramai ini memiliki ragam budaya yang tinggi dan bukan sahaja melibatkan penduduk peribumi dan warganegara tetapi juga bercampur dengan penduduk warga asing dan termasuklah komuniti tanpa negara seperti komuniti Pala'u di Lahad Datu Sabah. Walaupun percampuran budaya antara penduduk di Sabah agak tinggi tetapi sehingga kini hubungan pelbagai kaum di Sabah adalah baik dan tidak pernah direkodkan konflik etnik yang melibatkan pertumpahan darah. Kajian-kajian lepas banyak menunjukkan bahawa penduduk di negeri Sabah mempunyai tahap toleransi etnik yang tinggi dan masyarakat di Sabah hidup dalam keadaan yang harmoni bahkan terdapat banyak kes yang melibatkan percampuran kaum dan agama dalam keluarga serta perkahwinan campur dengan warga asing (Sabihah, 2007; Hasan 2007; Kntayya, 2007; Budi Anto, 2008; 2010; 2011; 2018; 2020; Suraya & Budi Anto, 2015; Chua

Bee Seok, Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan, 2016. Suraya, Budi Anto, Nur Farhana Siti Aidah & Halina, 2019; Budi Anto & Saidatul Nornis, 2020; Budi Anto, Mohd Sohaimi & Mohd Azri, 2020). Kehadiran pendatang asing yang ramai di Sabah boleh jadi dipengaruhi oleh sikap penduduk Sabah yang memiliki toleransi etnik yang tinggi.

Percampuran penduduk warganegara dengan pendatang asing di Sabah yang telah lama berlaku, walau bagaimanapun memberikan kesan terhadap pelbagai isu lain bukan sahaja dari segi keselamatan, isu kemanusiaan tetapi juga melibatkan isu tentang pendidikan. Isu pendidikan merupakan isu yang besar kerana pendidikan merupakan perkara penting dalam agenda pembangunan negara khususnya untuk menjamin kejayaan sesebuah negara yang berterusan pada masa hadapan. Meskipun begitu, undang-undang sesebuah negara adalah berbeza-beza dalam konteks pelaksanaannya dan seringkali pendidikan di sesebuah negara adalah berbeza antara pendidikan untuk penduduk warganegara dan penduduk bukan warganegara. Demikian juga apabila dilihat dalam konteks pendidikan di Malaysia. Berdasarkan peruntukan perundangan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) sedia ada, mensyaratkan bahawa setiap murid yang hendak masuk ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan hendaklah berstatus warganegara (Mohd Afizi, 2019). Meskipun undang-undang ini menjelaskan bahawa pendidikan yang ditawarkan di Malaysia hanya untuk warganegara Malaysia tetapi dalam beberapa kes-kes tertentu anak-anak warga asing juga dibenarkan bersekolah tetapi perlu menepati syarat-syarat yang telah ditentukan (Nor Affizar, 2018)

Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh komuniti Palau di Lahad Datu. Komuniti Palau ini merupakan komuniti yang mendiami kawasan perairan negara Filipina, Malaysia dan Indonesia. Ketiga-tiga negara sehingga kini tidak mempunyai sebarang mekanisme untuk menyelesaikan isu komuniti ini disebabkan oleh cara hidup komuniti ini yang berpindah randah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Kehidupan masyarakat Pala'u secara nomad ini tidak hanya dalam kawasan sesebuah negara tetapi melangakui sempadan negara Filipina, Malaysia dan Indonesia. Walaupun terdapat juga komuniti Pala'u yang memiliki kewarganegaraan dan sudah mula menetap tetap di sesuatu kawasan di Malaysia seperti di Kampung Bangau-bangau Semporna tetapi komuniti ini masih ramai yang berhadapan dengan isu dokumen dan juga dianggap sebagai *stateless* (Mohd Sohaimi, Budi Anto & Yusten, 2019: 9-10). Cara hidup komuniti Pala'u yang unik ini menyebabkan ramai daripada mereka tidak dapat turut serta dalam arus pembangunan perdana dan dilihat ketinggalan dalam pelbagai konteks kehidupan moden pada hari ini termasuklah peluang untuk mendapatkan pendidikan. Justeru itu, kertas kerja ini cuba memahami bagaimana pandangan komuniti Pala'u tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka dan juga memahami isu-isu pendidikan yang mereka hadapi.

Sorotan Kajian

Kajian mengenai masyarakat Pala'u atau Bajau Laut dan masyarakat tanpa negara di Sabah telah dijalankan oleh beberapa pengakaji sebelum ini tetapi masih lagi tidak begitu komprehensif dan menyeluruh. Sebagai contohnya, sehingga kini tidak ada lagi kajian yang diterbitkan tentang masyarakat Pala'u di Lahad Datu yang dibuat oleh mana-mana agensi atau pengkaji sehingga kajian ini dilaksanakan. Walau bagaimanapun kajian tentang masyarakat Pala'u dan Bajau Laut dalam konteks negeri Sabah, bukanlah sesuatu yang baharu cuma kajian-kajian tersebut masih terlalu sedikit dan kurang menjadi tumpuan pengkaji lokal.

Antara kajian terawal tentang Bajau laut adalah kajian Sather (1997) yang bertajuk Bajau Laut: Adaptasi, sejarah, dan masa depan dalam masyarakat nelayan maritim di Timur Selatan Sabah. Kajian Sather merupakan kajian yang menggunakan pendekatan sejarah dan etnografi untuk memahami masyarakat Pala'u. Beliau memberi penekanan terhadap aspek sejarah, agama, organisasi sosial dan ekonomi masyarakat Palau. Selain itu, terdapat juga kajian beliau yang lain pada tahun (2002) bertajuk Perdagangan Komoditi, Pertukaran Hadiah dan Sejarah penduduk nomad maritim di tenggara Sabah. Dalam kajian ini Sather lebih memfokuskan tentang budaya pertukaran barang yang diamalkan oleh komuniti Bajau Laut. Budaya bertukar barang merupakan budaya yang masih diamalkan oleh masyarakat Pala'u sehingga kini.

Pada tahun 2007, Ismail Ali (2007) telah membuat penyelidikan di Semporna Sabah tentang Bajau Laut yang bertajuk Petempatan dan Kehidupan Komuniti Bajau Laut di Pulau Gusungan, Semporna Sabah. Kajian tersebut pula hanya menumpukan aspek kegiatan ekonomi masyarakat Bajau Laut. Seterusnya pada tahun (2011) beliau sekali lagi telah membuat satu kajian di Pulau Mabul yang bertajuk Komuniti Orang Tanpa Negara di Sabah: Kajian Kes Komuniti Bajau Laut Di Pulau Mabul Semporna. Pada kali ini, kajian beliau memberi penekanan kepada taraf sosio ekonomi dan status kerakyatan masyarakat Pala'u. Penemuan kajian ini juga menyatakan bahawa masyarakat Pala'u adalah buta huruf dan ramai yang tidak memahami bahasa Melayu atau bahasa Malaysia.

Kajian lepas yang melibatkan komuniti Pala'u di Sabah juga telah dilakukan oleh agensi Suruhanjaya Eropah bertajuk pendidikan untuk kanak-kanak Bajau Laut dan kanak-kanak tanpa negara di Pantai Timur Sabah pada tahun 2010 sehingga tahun 2013. Walau bagaimanapun kajian ini terhad hanya di kawasan Semporna dan Tawau sahaja. Masyarakat Pala'u di Lahad Datu tidak terlibat dalam kajian tersebut kerana pada ketika itu petempatan Pala'u yang agak dominan boleh ditemui di kawasan Semporna.

Masyarakat Palau yang wujud di Lahad Datu juga mempunyai kaitan dengan Masyarakat Palau di Semporna. Terdapat seramai 135 orang daripada 136 orang responden yang ditemui dalam kajian ini adalah berasal dari Semporna. Di Sabah, komuniti Pala'u menetap di perairan sekitar Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Sandakan. Namun begitu, majoriti mereka tinggal di Semporna terutamanya di kawasan kampung Bangau-bangau (Mohd Sohaimi, Budi Anto & Yusten, 2019: 9) Ini bermakna Semporna merupakan pusat petempatan utama masyarakat Pala'u di Sabah.

Manakala terdapat juga kajian lain yang lebih memfokuskan terhadap bahasa dan budaya masyarakat Pala'u di Sabah. Saidatul Nornis Hj Mahali pada tahun (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Bahasa Gipsi/ Pala'u: Penelitian Dini di Sabah lebih memfokuskan terhadap kajian bahasa dan budaya. Saidatul dalam kajiannya membuat perbandingan secara khusus dari segi bahasa dan budaya antara masyarakat Pala'u dengan suku Bajau lain di Sabah dan nusantara.

Kajian terbaru yang menyentuh tentang pendidikan dan masyarakat tanpa negara juga telah dibuat oleh Badariah Saibeh (2019) bertajuk Pendidikan untuk Keterangkuman Sosial: Status Kewarganegaraan dan Kebolehpencapaian Pendidikan dalam Kalangan Penduduk Di Pulau Mabul Sabah. Kajian Badariah ini mengupas tentang isu pendidikan dan juga isu dokumen atau isu kanak-kanak tanpa negara. Kanak-kanak tanpa negara diberikan peluang pendidikan alternatif kerana mereka tidak berpeluang untuk bersekolah di sekolah kerajaan. Sekolah alternatif ini merupakan sekolah yang memberi penekanan kepada pengajaran yang berkonsepkan

pendidikan agama. Malah sekolah alternatif yang ditubuhkan di Pulau Mabul untuk memberi pendidikan kepada kanak-kanak tanpa negara turut mendapat sambutan daripada penduduk tempatan yang turut menghantar anak-anak mereka bersekolah di sekolah alternatif tersebut. Dapatan kajian ini memberikan input yang berguna khususnya dari segi cadangan untuk mewujudkan pendidikan alternatif kepada kanak-kanak tanpa negara atau warga asing agar mereka tidak ketinggalan dan mampu keluar daripada belenggu buta huruf.

Metodologi Kajian

Secara umumnya, kaedah kajian yang utama untuk mendapatkan data adalah menggunakan soal-selidik. Walau bagaimanapun, data-data sekunder daripada agensi berkaitan dan bahan penerbitan lain sama ada bercetak dan secara elektronik juga dijadikan sebagai sumber rujukan. Soal-selidik telah diedarkan kepada responden dengan bantuan seramai empat orang pembantu penyelidik di lapangan. Pembantu penyelidik yang dilantik merupakan penduduk yang menetap di Lahad Datu yang terdiri daripada kaum Pala'u, kaum keturunan Pala'u dan penduduk yang boleh berkomunikasi dengan penduduk Pala'u. Seramai 136 orang responden telah terpilih dalam kajian ini.

Pemilihan responden dalam kajian ini adalah berdasarkan persampelan bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan ini dipilih kerana ciri-ciri utama responden hanyalah orang Pala'u sahaja. Justeru itu, komuniti Pala'u dan petempatan mereka perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Responden kajian dapat dikenal pasti dengan bantuan pembantu penyelidik, agensi penguatkuasaan di Lahad Datu yang melibatkan bantuan daripada PDRM (pasukan cawangan khas) dan bantuan agensi lain.

Selain menggunakan kaedah soal-selidik, data dalam kajian ini juga diperolehi melalui temubual. Beberapa siri temubual telah dilakukan dengan responden Pala'u di kawasan kediaman mereka atau atas bot mereka. Temubual ini juga dilakukan dengan bantuan penterjemah. Penterjemah yang dilantik merupakan pasukan Polis Cawangan Khas yang boleh berkomunikasi dengan orang Pala'u menggunakan bahasa yang mereka fahami.

Responden kajian yang terpilih dalam kajian ini ditemui di pesisir Kg. Panji, Kg Tabba Batang Bakapit, kawasan perairan Pulau Sakar, kawasan perairan bandar Wilayah Lahad Datu dan Kg. Batu-batu Felda Sahabat. Selain itu, terdapat juga responden yang ditemui di kawasan pusat bandar Lahad Datu kerana ramai daripada komuniti Pala'u khususnya kanak-kanak dan wanita bergiat aktif sebagai peminta sedekah.

Isu-Isu Pendidikan Masyarakat Pala'u dari Aspek Sosial

Isu-isu pendidikan dalam konteks sosial yang dijelaskan adalah berkaitan dengan tahap pendidikan masyarakat Pala'u dan pandangan mereka tentang pendidikan, serta perkara-perkara yang menyebabkan komuniti Pala'u tercicir daripada pendidikan. Perkara-perkara tersebut merangkumi kadar buta huruf, kemudahan pendidikan, cara hidup masyarakat ini yang berpindah randah dan persepsi masyarakat tempatan terhadap komuniti Pala'u.

Kadar Buta Huruf Tinggi

Responden kajian didapati mempunyai kadar buta huruf yang amat tinggi. Dapatan kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 secara umumnya memberikan gambaran bahawa komuniti Pala'u secara keseluruhannya di Lahad Datu mempunyai kadar buta huruf yang amat tinggi. Sebanyak 99.26% responden kajian didapati tidak pernah mendapat pendidikan formal. Hal ini berlaku kerana mereka tidak berminat untuk bersekolah disebabkan kurang kesedaran

tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka dan tiada peluang untuk mendapat pendidikan formal. Tambahan pula, kedudukan mereka sebagai *stateless* dan *statusless* menyukarkan lagi peluang untuk mendapatkan pendidikan di sekolah kerajaan atau swasta.

Jadual 1: Pendidikan Responden

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratusan
Tiada	135	99.26
Kursus Menjahit	1	0.74
Jumlah	136	100

Selain daripada kadar buta huruf yang tinggi, masyarakat Pala'u juga tidak mementingkan tarikh dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh, masyarakat Pala'u tidak tahu tarikh lahir mereka. Walaupun didapati dalam kajian ini ada responden yang mempunyai pendidikan, tetapi pendidikan yang dimaksudkan adalah kursus jahitan. Kursus jahitan ini dilihat sebagai jenis pendidikan yang tidak menyumbang kepada kebolehan atau kemahiran mereka dalam membaca.

Kesedaran Pendidikan yang Rendah

Kadar buta huruf dan tiada pendidikan dalam kalangan responden merupakan indikasi yang menunjukkan kesedaran ibu-bapa mereka terhadap pendidikan juga adalah rendah. Dapatan kajian menunjukkan ibu-bapa responden ada menggalakkan mereka ke sekolah. Sebanyak 31.62% responden mengatakan ibu-bapa mereka menggalakkan mereka ke sekolah, tetapi galakkan ini tidak mempengaruhi mereka untuk ke sekolah.

Jadual 2: Galakkan Ibu-bapa Terhadap Responden Ke Sekolah

Galakkan Ibu-bapa	Bilangan	Peratusan
Ada galakkan	43	31.62
Tiada galakkan	90	66.1
Tidak pasti	3	2.21
Jumlah	136	100

Kesedaran ibu-bapa responden walaupun rendah, tetapi kesedaran ini menunjukkan bahawa terdapat juga ibu-bapa responden yang melihat pendidikan penting dalam keluarga dan anak-anak mereka. Persoalannya, walaupun ada galakkan daripada ibu-bapa tetapi responden kajian tidak juga mendapat pendidikan yang sewajarnya. Keadaan ini perlu dijelaskan dalam konteks yang lain atau sudah tentunya ia berlaku disebabkan oleh faktor-faktor lain untuk memahami mengapa responden kajian tidak bersekolah. Secara umumnya komuniti Pala'u boleh dikatakan melihat pendidikan sebagai sesuatu yang kurang penting dalam kehidupan mereka dan mereka beranggapan amalan tradisi yang telah mereka lakukan dan warisi sejak turun-temurun adalah lebih baik dan harus diteruskan.

Jadual 3: Kesedaran Responden Terhadap Pendidikan Anak

Galakkan terhadap anak	Bilangan	Peratusan
Ada galakkan	128	94.12
Tiada galakkan	2	1.47
Tidak pasti	6	4.41
Jumlah	136	100

Ironinya berlaku perubahan yang amat ketara khususnya mengenai kesedaran responden tentang pentingnya pendidikan terhadap anak mereka. Sebanyak 94.12% responden kajian mengatakan akan menggalakkan anak-anak mereka ke sekolah. Kesedaran ini agak tinggi dan berbeza dengan kesedaran ibu dan bapa responden sebelum ini yang didapati rendah. Peningkatan kesedaran ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Pala'u mula sedar tentang pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka. Keadaan ini boleh jadi berlaku dipengaruhi oleh pengalaman mereka sendiri yang tidak mendapat pendidikan dan berharap agar anak mereka tidak menjadi seperti mereka.

Jadual 4: Kepentingan Pendidikan Dalam Kehidupan

Kepentingan Pendidikan	Bilangan	Peratusan
Ya	131	96.32
Tidak	4	2.94
Tidak pasti	1	0.74
Jumlah	136	100

Kesedaran tentang pendidikan anak-anak diperkuhkuhkan lagi dengan data yang menjelaskan reaksi responden tentang pentingnya pendidikan dalam kehidupan. Secara keseluruhannya, responden kajian memberikan pandangan yang menunjukkan kesedaran mereka terhadap pendidikan adalah tinggi. Terdapat 96.32% responden kajian mengatakan pendidikan adalah penting dalam kehidupan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa, terdapat sebab-sebab lain yang menjadikan mereka ketinggalan atau tercicir dalam pendidikan. Ini kerana mereka sedar bahawa pendidikan adalah penting dalam kehidupan dan masa depan mereka.

Hasil temubual yang dijalankan terhadap responden Pala'u yang menetap di kawasan perairan Bakapit yang jauh dari bandar mengatakan mereka bersetuju untuk menghantar anak mereka ke sekolah, tetapi dengan syarat sekolah tersebut dibina di kawasan petempatan mereka. Salah satu sebab mereka mahu sekolah dibina berdekatan dengan kawasan petempatan mereka kerana responden tidak sanggup berjauhan dengan anak-anak mereka.



Gambar 1: Responden dan Keluarga Mereka yang Ditemubual di Kg. Tabba Batang Bakapit (2018)

Selain itu, terdapat juga responden yang ditemubual memberikan reaksi yang berbeza terhadap pendidikan. Responden yang ditemubual di perairan Pulau Sakar yang menetap di perahu mengatakan mereka tidak berminat ke sekolah dan tidak akan menghantar anak mereka ke sekolah. Ini kerana, kehidupan tradisi mereka adalah di laut dan mereka merasakan laut adalah tempat mereka. Reaksi responden ini menunjukkan mereka sukar untuk beradaptasi dengan masyarakat lain dan juga sukar mengubah cara hidup mereka. Ini bermakna walaupun majoriti responden dalam kajian ini mula sedar tentang kepentingan pendidikan terhadap keluarga dan anak-anak tetapi ada juga masyarakat Pala'u yang melihat pendidikan sebagai tidak penting.



Gambar 2: Responden yang di temu bual di Kawasan Perairan Pulau Sakar (2018)

Tiada kemudahan Pendidikan di Kawasan Petempatan

Seterusnya, isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Pala'u di Lahad Datu adalah ketiadaan kemudahan pendidikan di kawasan petempatan mereka. Kawasan petempatan responden yang menetap di pesisir pantai, Lahad Datu ialah di Kg. Panji, Kg. Tabba Batang Bakapit Tungku dan Kg. Batu-batu Felda Sahabat. Tinjauan di kawasan kajian ini mendapati tiada kemudahan pendidikan yang dibina atau disediakan. Sebab utama mengapa tiada kemudahan pendidikan dibina kerana, kawasan tersebut merupakan kawasan petempatan setinggan dan kawasan yang agak terasing dari petempatan masyarakat lokal. Bagi komuniti Pala'u di kawasan Kg. Panji, kemudahan pendidikan sepatutnya tidak menjadi perkara besar kerana Kg. Panji boleh dikatakan merupakan kawasan petempatan yang berhampiran dengan pusat bandar. Kemudahan pendidikan di pusat bandar adalah baik dan mencukupi.

Selain itu, berdasarkan maklumat yang diperolehi, terdapat sebuah sekolah agama pernah dibina di Kg. Panji dan pernah beroperasi suatu masa dahulu. Walau bagaimanapun sekolah tersebut tidak lagi beroperasi pada hari ini. Sekolah tersebut merupakan sekolah alternatif atau sekolah yang tidak dibina oleh kerajaan atau tidak menerima bantuan dari kerajaan. Ini bermakna sekolah tersebut adalah usaha individu atau NGO. Pendidikan yang disampaikan di sekolah tersebut juga bebrbeza dari segi ko kurikulum di sekolah bantuan kerajaan dan sekolah tersebut memberi penekatan terhadap mengajar ajaran agama Kristian.

Jadual 5: Pengaruh Jarak Tempat Tinggal Ke Sekolah Terhadap Pendidikan Responden

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	52	38.24
Tidak	77	56.62
Tidak pasti	7	5.15
Jumlah	136	100



Gambar 3: Rumah Keluarga Pala'u di Kg.Panji, Lahad Datu (2018)

Justeru itu, jarak tempat tinggal yang berjauhan dengan sekolah merupakan antara sebab yang menyebabkan responden tidak bersekolah. Walaupun bilangan responden seperti yang

ditunjukkan dalam jadual 5, hanya melibatkan 38.2% yang menjadikan masalah ini sebagai sebab mereka tidak bersekolah, tetapi ia juga merupakan sebab yang perlu ditangani. Seramai 56.6% responden tidak menjadikan jarak sebagai sebab mereka tidak ke sekolah dan sudah pastinya perlu difahami dalam konteks yang berbeza. Jadual 6 juga menunjukkan dapatan yang hampir sama. 36.76% responden menyatakan mereka tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah disebabkan oleh jarak tempat tinggal dan sekolah yang jauh.

Jadual 6: Pengaruh Jarak Tempat Tinggal Ke Sekolah Terhadap Pendidikan Anak Responden

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	50	36.76
Tidak	79	58.09
Tidak pasti	7	5.15
Jumlah	136	100



Gambar 4: Rumah Responden di Kg. Tabba Batang Bakapit, Lahad Datu (2018)

Cara Hidup Yang Berpindah Randah

Dalam konteks yang lain, cara hidup etnik Pala'u yang suka berpindah randah disebabkan kebergantungan kepada sumber laut juga antara sebab mengapa mereka sukar untuk mendapat pendidikan. Petempatan mereka di lepa dan perahu menyebabkan mereka tidak menetap tetap di sesuatu kawasan. Walaupun ada komuniti Pala'u yang sudah beradaptasi dan mula menetap di pesisir pantai tetapi rumah-rumah yang dibina juga bersifat sementara dan mereka akan pindah mencari tempat lain sekiranya sumber pendapatan mereka mula berkurangan. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden kajian adalah berasal dari Semporna. Mereka datang ke Lahad Datu untuk mencari sumber pendapatan yang lebih baik dan mereka sentiasa berulang-alik antara Lahad Datu dan Semporna. Tradisi kehidupan mereka yang tidak menetap lama di sesuatu kawasan sudah tentunya antara sebab yang menyukarkan mereka untuk bersekolah.

Jadual 6: Asal Responden

Asal	Jumlah	Peratusan
Lahad Datu	1	.7
Semporna	135	99.3
Jumlah	136	100.0

**Gambar 5: Pala'u dan Keluarga Mereka Di Lepa Yang Berlabuh Di Kg. Panji Lahad Datu (2018)****Gambar 6: Pala'u Dan Lepa Mereka Di Kawasan Perairan Pulau Sakar (2018)**



Gambar 7: Pala'u Dan Lapa Mereka Di Kawasan Perairan Bandar Wilayah Lahad Datu (2018)

Tabiat Masyarakat Tempatan Yang Sering Mengejek Komuniti Pala'u

Tabiat masyarakat tempatan yang selalu mengejek masyarakat Pala'u juga merupakan antara faktor yang menyebabkan mereka tidak mahu bersekolah. Persepsi negatif masyarakat lokal ini antara sebab yang dominan. Sebanyak 63.2% responden mengatakan mereka tidak bersekolah disebabkan oleh malu kerana ejekan masyarakat lain. Penduduk di Lahad Datu melihat masyarakat Pala'u ini berbeza dengan masyarakat lain di sebabkan cara hidup mereka yang sangat berbeza. Perbezaan cara hidup dan budaya masyarakat Pala'u selalunya dipandang rendah dan ini menyebabkan mereka selalu diejek yang mana ini akhirnya menyebabkan mereka rasa malu untuk bersekolah.

Jadual 7: Pengaruh Persepsi Masyarakat Terhadap Pendidikan Responden

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	86	63.24
Tidak	49	36.03
Tidak pasti	1	0.74
Jumlah	136	100

Ketersampaian Maklumat Yang Terhad Mengenai Pendidikan

Selain itu, faktor ketersampaian maklumat yang terhad juga merupakan antara sebab mengapa masyarakat Pala'u di Lahad Datu tidak bersekolah. Kehidupan etnik Pala'u dilihat terasing dari kehidupan masyarakat arus perdana. Masyarakat Pala'u kebanyakannya bergantung dengan maklumat yang hanya diperolehi daripada persekitaran mereka dan juga pergaulan secara lisan. Keadaan ini menyebabkan mereka agak sukar untuk mendapatkan maklumat daripada media arus perdana disebabkan cara hidup mereka yang tidak bergantung dengan media (TV, radio, internet).

Jadual 8: Pengaruh Keterbatasan Maklumat Terhadap Pendidikan Responden

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	44	32.35
Tidak	88	64.71
Tidak pasti	4	2.94
Jumlah	136	100

Kesukaran mendapatkan maklumat ini antara sebab mereka tidak berminat bersekolah. Sebanyak 32.35% responden menyatakan sebab ini, tetapi kesukaran mendapatkan maklumat tentang pendidikan ini secara umumnya tidak begitu dominan. Walaupun begitu, isu ini juga perlu diatasi dengan memberikan pemahaman kepada komuniti ini agar mereka lebih memahami tentang peluang-peluang pendidikan yang ada untuk keluarga mereka dan juga anak-anak mereka.



Gambar 8: Rumah Responden Di Kg. Tabba Batang (2018)

Gambar 8 menunjukkan keadaan Rumah responden di Kg. Tabba Batang Bakapit Lahad Datu. Rumah responden ini agak jauh dan terasing daripada komuniti lokal yang lain. Ini menyebabkan mereka terpinggir, malah tidak memiliki kemudahan asas seperti elektrik yang juga akhirnya membataskan mereka untuk mendapatkan maklumat daripada media arus perdana seperti TV dan radio.



Gambar 9: Rumah Pala'u di Kg. Panji Lahad Datu (2018)

Pengaruh Rakan Sebaya

Responden didapati juga berhadapan dengan isu pengaruh rakan sebaya yang menyebabkan mereka tidak bersekolah. Walaupun faktor pengaruh rakan sebaya ini tidak begitu tinggi mempengaruhi responden kajian tetapi secara keseluruhannya ia juga merupakan antara sebab yang perlu ditangani. Sebanyak 27% responden kajian mengatakan mereka tidak bersekolah disebabkan oleh pengaruh rakan-rakan.

Jadual 9: Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pendidikan Responden

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	37	27.21
Tidak	97	71.32
Tidak pasti	2	1.47
Jumlah	136	100



Gambar 10: Penyelidik Bersama Kanak-Kanak Pala'u Di Kg. Batu-Batu Felda Sahabat 6, Lahad Datu (2018)

Isu-isu Pendidikan Dalam Konteks Politik

Isu-isu pendidikan dalam politik yang dihadapi oleh masyarakat Pala'u pula akan diterangkan dengan mengaitkan status kewarganegaraan mereka dan juga peluang pendidikan yang mereka boleh perolehi.

Kerajaan Malaysia Tidak Mengiktiraf Status Etnik Pala'u

Salah satu sebab etnik Pala'u ini terpinggir dari segi pendidikan adalah disebabkan oleh status kewarganegaraan mereka yang tidak diketahui. Kerajaan Malaysia juga tidak mengiktiraf etnik Pala'u ini sebagai rakyat Malaysia. Keadaan ini menyebabkan majoriti komuniti Pala'u tidak memiliki dokumen.

Jadual 10: Status Kewarganegaraan Responden

Status	Jumlah	Peratusan
Warganegara	4	2.9
Bukan warganegara	132	97.1
Jumlah	136	100.0

Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf Masyarakat Pala'u sebagai penduduk wilayah Sabah menyebabkan mereka tidak diberikan dokumen yang sah atau diberikan sijil kelahiran (kecuali yang telah menetap lama sejak 1929 di Semporna). Ketiadaan dokumen menyukarkan mereka untuk berdaftar di mana-mana sekolah di sekitar Lahad Datu.

Status Stateless Menyukarkan Mendapat Peluang Pendidikan

Stateless atau komuniti tanpa negara atau tidak memiliki status kewarganegaraan menyebabkan komuniti ini juga mengatakan mereka sukar untuk mendapat pendidikan. Sebanyak 63.24% responden kajian mengatakan status kewarganegaraan memainkan peranan yang penting dari segi peluang mendapatkan pendidikan. Pendidikan di Malaysia adalah percuma diberikan kepada penduduk warganegara akan tetapi berbeza dengan penduduk bukan warganegara. Penduduk warga asing perlu memenuhi syarat-syarat tertentu yang membolehkan anak-anak mereka bersekolah di negara ini. Selain daripada syarat yang ketat, warga asing juga dikehendaki membayar yuran pengajian setiap tahun sekiranya mereka bersekolah di Malaysia.

Jadual 11: Pengaruh Status Kewarganegaraan Terhadap Pendidikan Etnik Pala'u

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	86	63.24
Tidak	50	36.76
Jumlah	136	100

Pendapat Pala'u Tentang Warga Asing Boleh Bersekolah di Malaysia

Antara faktor yang menyebabkan komuniti Pala'u ini tidak bersekolah adalah isu status kewarganegaraan mereka yang tidak diiktiraf. Walau bagaimanapun, komuniti Pala'u ini juga sedar bahawa warga asing juga boleh bersekolah di negara ini. Ini bermakna walaupun mereka berstatus tiada kewarganegaraan tetapi mereka juga boleh bersekolah. Atas sebab itulah terdapat responden kajian yang mengatakan bahawa masalah status kewarganegaraan bukanlah sebab yang menyukarkan mereka mendapatkan pendidikan. Sebanyak 97.1% responden kajian mengatakan warga asing boleh bersekolah di negara ini.

Jadual 11: Pendapat Pala'u tentang Warga Asing Boleh Bersekolah di Malaysia

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	132	97.06
Tidak	4	2.94
Jumlah	136	100

Isu-isu Pendidikan dalam konteks Ekonomi

Isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Pala'u juga dikaitkan dengan ekonomi masyarakat tersebut. Kegiatan ekonomi dan pendapatan responden merupakan antara sebab yang mempengaruhi responden Pala'u dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna dan juga memberikan pendidikan kepada keluarga dan anak-anak mereka.

**Gambar 11: Reponden Di Kg. Tabba Batang Menunjukkan Hasil Laut (2018)*****Pendapatan Rendah***

Isu-isu pendidikan dalam konteks ekonomi yang pertama ialah pendapatan komuniti Pala'u yang rendah. Pekerjaan komuniti Pala'u yang lebih bergantung dengan sumber laut dan lebih bersifat sara diri menyukarkan mereka untuk mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Komuniti Pala'u khususnya lelaki amat aktif bekerja sebagai nelayan. Akan tetapi pada waktu malam ada juga di antara mereka yang bekerja dengan juragan kapal untuk mengangkat hasil laut. Wanita Pala'u dan kanak-kanak Pala'u kebanyakannya bekerja sebagai peminta sedekah atau pengemis dan ada juga yang tidak berkerja langsung tetapi membantu suami mendapatkan sumber laut.

Jadual 12: Pendapatan Responden

Pendapatan	Jumlah	Peratusan
Tiada Pendapatan	8	5.9
Bawah RM200	68	50.0
RM201 - RM400	39	28.7
RM401 - RM600	20	14.7
RM600 - RM700	1	0.7
Jumlah	136	100%

Walaupun pendapatan responden didapati amat rendah tetapi bagi mereka, pendapatan itu lebih mudah mereka perolehi dan lebih penting untuk *survival* mereka berbanding ke sekolah. Atas sebab itu, walaupun sebahagian mereka berkeinginan bersekolah, tetapi sumber pendapatan yang diperolehi dari pekerjaan nelayan dan mengemis lebih menjanjikan pulangan yang baik dalam ekonomi mereka berbanding bersekolah.



Gambar 12: Wanita Pala'u Membersihkan Peralatan Menangkap Ikan Di Kawasan Perairan Pulau Sakar (2018)



Gambar 13: Wanita Pala'u Meminta Sedekah Di Kawasan Lampu Isyarat Bandar (2018)

Pendapatan Ibu-bapa Responden Rendah

Pendapatan yang rendah merupakan isu yang mereka hadapi sejak sekian lama. Ibu-bapa responden juga berhadapan dengan masalah pendapatan yang rendah menyebabkan mereka tidak mampu untuk memberikan pendidikan yang sempurna kepada responden. Isu pendapatan rendah ini juga dihadapi responden dan perkara ini menyebabkan mereka tidak mampu menanggung kos perbelanjaan pendidikan anak-anak mereka. Jadual 13 menunjukkan sebanyak 70.59% responden mengatakan pendapatan keluarga mereka yang rendah antara sebab keluarga mereka tidak dapat menampung perbelanjaan pendidikan mereka.

Jadual 13: Pengaruh Pendapatan Keluarga Terhadap Pendidikan Responden

Pengaruh	Bilangan	Peratusan
Ya	96	70.59
Tidak	40	29.41
Jumlah	136	100

Perbincangan

Analisis data seperti yang telah diterangkan menunjukkan isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Pala'u di Lahad Datu secara keseluruhannya amat berkait dengan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka dan anak-anak mereka. Walaupun dapatan kajian mendapati wujud kesedaran tentang pentingnya pendidikan tetapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan masyarakat lokal akhirnya menyebabkan mereka tidak mengutamakan pendidikan. Isu-isu pendidikan yang mereka hadapi dapat dirumuskan seperti berikut;

1. Isu-isu dalam aspek sosial memperlihatkan faktor cara hidup memainkan peranan yang penting menyebabkan mereka tidak begitu mementingkan pendidikan.
 - i. Jika dilihat dalam konteks kesedaran, memang wujud kesedaran mereka untuk bersekolah dan mereka turut sedar bahawa pendidikan penting untuk masa depan anak mereka, tetapi kesedaran tersebut didapati tidak begitu kuat apabila dikaitkan atau dibandingkan dengan kepentingan untuk mengekalkan amalan tradisi dan cara hidup mereka
 - ii. Boleh jadi amalan cara hidup dan tradisi tentang laut merupakan pendidikan yang dilihat lebih penting untuk mereka wariskan kepada anak-anak mereka. Tujuannya agar anak-anak mereka mampu hidup berdikari pada masa hadapan berbanding ke sekolah yang memerlukan mereka mengeluarkan wang untuk menampung kos perbelanjaan yang juga dilihat tidak mendatangkan pulangan ekonomi.
 - iii. Mewariskan amalan cara hidup dan tradisi mereka kepada anak-anak juga secara langsung membantu mereka dalam aktiviti ekonomi yang juga mampu menjana atau menyumbang kepada pendapatan ekonomi keluarga mereka. Keadaan ini dilihat lebih baik berbanding menghantar anak mereka ke sekolah.
 - iv. Selain itu, keupayaan mereka untuk beradaptasi dengan masyarakat lokal juga agak rendah dan merupakan antara sebab menyebabkan mereka sukar untuk bergaul dan berkomunikasi dengan masyarakat lain. Kehidupan mereka yang lebih terasing dan hanya dalam ruang lingkup keluarga mereka dan jauh dari kehidupan moden juga merupakan antara punca mereka sukar untuk bergaul dan bercampur dengan masyarakat lain serta menerima perubahan. Keadaan cara hidup mereka yang suka berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan perairan yang lain juga antara faktor yang menyebabkan mereka sukar untuk menerima pendidikan.
2. Isu-isu dalam aspek politik pula adalah bekisar tentang dokumen dan status mereka.
 - i. Walaupun komuniti Pala'u di Lahad Datu kebanyakan tidak memiliki dokumen dan dianggap sebagai *stateless* tetapi mereka masih lagi berpeluang untuk bersekolah sama ada di sekolah kerajaan mahupun sekolah swasta sekiranya mereka mampu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan dalam undang-undang yang berkaitan dengan pendidikan di Malaysia.
 - ii. Mereka menyedari bahawa penduduk warga asing boleh bersekolah di negara ini tetapi keinginan mereka untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah masih tetap rendah. Keadaan ini terbukti kerana kebanyakan anak-anak Pala'u tidak bersekolah.
 - iii. Selain itu, memandangkan komuniti Pala'u ini merupakan komuniti yang tidak jelas kedudukan mereka dari segi status kewarganegaraan mahupun status pribumi Sabah maka pihak kerajaan mahupun penduduk lokal kebanyakannya melihat mereka ini merupakan komuniti yang tidak harus dilayan sama rata seperti masyarakat lokal yang lain.
 - iv. Pandangan tersebut akhirnya menyebabkan soal-soal isu kebajikan masyarakat Pala'u dianggap sebagai sesuatu yang tidak begitu penting dan masyarakat lokal juga tidak berusaha untuk bergaul dan bercampur dengan komuniti ini atau memberi galakkan kepada mereka bersekolah.

- v. Malah komuniti Pala'u juga turut berhadapan layanan yang tidak baik apabila seringkali menjadi mangsa ejekan daripada penduduk lokal di Lahad Datu. Isu ini timbul disebabkan oleh cara hidup masyarakat Pala'u yang jauh berbeza berbanding cara hidup masyarakat tempatan.
3. Isu-isu dalam aspek ekonomi juga merupakan antara isu utama yang menyebabkan komuniti Pala'u tidak begitu mementingkan pendidikan.
 - i. Salah satu sebab yang utama adalah pendapatan mereka yang agak rendah. Pendapatan yang rendah ini menyebabkan mereka berhadapan masalah untuk menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.
 - ii. Anak-anak dilihat sebagai sumber ekonomi yang boleh membantu menjana pendapatan keluarga.
 - iii. Sekiranya anak-anak bersekolah, mereka terpaksa mengeluarkan wang untuk menampung perbelanjaan dan perkara ini dilihat merugikan mereka kerana pendidikan yang diperolehi dalam masa yang sama tidak mendatangkan hasil pulangan ekonomi
 - iv. Akhirnya, ilmu-ilmu tentang kelautan dan tradisi turun temurun yang mereka amalkan dilihat amat penting untuk diajarkan kepada anak-anak mereka. Ini kerana, dalam proses mengajar anak-anak, secara tidak langsung anak-anak mereka juga menjadi tenaga kerja yang dapat membantu untuk mendapatkan hasil atau membantu ekonomi keluarga.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Pala'u sebenarnya sangat berkait dengan cara hidup dan amalan tradisi mereka. Sifat mereka yang sukar untuk mengubah cara hidup mereka menyebabkan mereka juga sukar untuk mendapatkan peluang pendidikan yang lebih baik. Keadaan ini berpunca dari kesedaran mereka sendiri dan kesedaran mereka dilihat lebih mementingkan kelangsungan hidup dan meneruskan cara hidup tradisi yang mereka amalkan sejak sekian lama. Selain itu, pengaruh masyarakat sekeliling juga memainkan peranan penting bukan sahaja pengaruh bersifat individu atau masyarakat di Lahad Datu tetapi juga melibatkan pengaruh dalam konteks yang lebih besar iaitu peranan pembuat polisi atau kerajaan untuk menyelesaikan isu-isu pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Pala'u.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana geran penyelidikan Kajian Pendidikan Etnik Pala'u Bagi Inisiatif #57 Orang Asli Dan Pribumi: Kajian Kes Di Lahad Datu Sabah. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111).

Rujukan

- Badariah Saibeh. (2018). Pendidikan Untuk Keterangkuman Sosial: Status Kewarganegaraan Dan Kebolehcapaian Pendidikan Dalam Kalangan Penduduk di Pulau Mabul, Sabah. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2008). Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes ke atas Pelajar Bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu. Univertisi Malaysia Sabah. Tidak Diterbitkan.

- Budi Anto Mohd Tamring. (20110). Toleransi Etnik di Sabah: Analisis Terhadap Faktor-Faktor Mempengaruhi Keharmonian Penduduk di Sabah. MANU, 16, 67-86.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikorot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. MANU, 27, 93-120.
- Budi Anto Mohd Tamring, Mohd Sohaimi Esa & Mohd Azri Ibrahim (2020). Hubungan Kaum dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Pantai Barat Sabah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(11), 147-158.
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Hubungan Kaum di Sabah: Suatu Pemerhatian Awal. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(10), 95- 104.
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Amalan Kahwin Campur dalam kalangan Masyarakat Di Kota Kinabalu, Sabah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(9), 149-162.
- Budi Anto Mohd Tamring, Natalie Ann Gregory & Romzi Ationg. (2020). Ethnic Interaction Experience Of Chinese Ethnic Students: A Case Study In Universiti Malaysia Sabah. Solid State Technology, 63(6), 789-800.
- Chua Bee Seok, Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. 2016. Persepsi Kumpulan Multi-etnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain. Jurnal MANU Bil.24. Halaman 111-145
- Data.gov.my. 2019. Statistik Pekerja Asing Terkini Mengikut Negeri Dan Sektor Sehingga Jun 2019. Atas Talian <https://www.data.gov.my/data/dataset/cd8f91d0-83c6-466e-a870-a3f814db95c2/resource/66920702-c42b-44ed-9bbf-bdffc6e1897b/download/statistik-pekerja-asing-terkini-mengikut-negeri-dan-sektor.xlsx>. Diekses pada 13/4/2021.
- European Commission. (n.d.). Internasional Cooperation and Development Building partnerships for change in developing countries. "Education for Children of Bajau Laut and other stateless children on the East Coast of Sabah.
- Hasan Mat Nor (2007). Agama dan Hubungkaitnya Dengan Toleransi Etnik Di Sabah dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial. Laporan Penyelidikan IRPA. Tidak Diterbitkan.
- Ismail Ali. (2007). Petempatan dan kehidupan komuniti bajau laut di Pulau Gusungan, Semporna, Sabah. Borneo Research Journal, 1(1), 205-218.
- Ismail Ali. (2011). Komuniti Orang Tanpa Negara (Stateless People) Di Sabah: Kajian Kes Komuniti Bajau Laut Di Pulau Mabul, Semporna. Dalam Malaya in History/Malaysia in History dan Malaysia Dari Segi Sejarah (pp.69-81). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Kntayya Mariappan. (2007). Tahap Toleransi Etnik Di Sabah: Analisis Awal dalam Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial. Laporan Penyelidikan IRPA. Tidak Diterbitkan.
- Mohd Afizi bin Md Ali. (2019). 16 Perkara Penting Berkaitan Penerimaan Kemasukan Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan Mulai 2019. Atas Talian <https://www.sistemguruonline.my/2019/10/16-perkara-penting-berkaitan-penerimaan-kemasukan-murid-bukan-warganegara-ke-sekolah-kerajaan-atau-sekolah-bantuan-kerajaan-mulai-2019.html> Diekses pada 13/4/2021.
- Mohd Sohaimi Esa, Budi Anto Mohd Tamring & Yusten Karulus. (2019). Kajian Pendidikan Etnik Pala'u Bagi Inisiatif #57 Orang Asli dan Peribumi: Kajian Kes Di Lahad Datu, Sabah. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nor Affizar Ibrahim. 2018. Kanak-kanak Bukan Warganegara Boleh Daftar Sekolah. Atas Talian <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20181221/281573766802345> Diekses pada 14/4/2021.

- Sabihah Osman (2007). Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial. Laporan Penyelidikan IRPA. Tidak Diterbitkan.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (2016). Bahasa Gipsi/Pala'u: Journal of Borneo Kalimantan. Penelitian Dini di Sabah, 28-40.
- Sather, C. (1997). The Bajau Laut : Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah. South-East Asian Social Science Monographs. New York: Oxford University Press.
- Sather, C. (2002). Commodity Trade, Gift Exchange, and the History of Maritime Nomadism in Southeastern Sabah. Nomadic Peoples, 6(1), 20-44, Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/43123650>
- Suraya Sintang & Budi Anto Mohd Tamring, (2015). Menjana Keharmonian Melalui Kahwin Campur: Kajian Kes Di Daerah Keningau. Laporan Kajian Geran SBK0113-SS-2013 UMS.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Hj. Lukin & Halina Sendera Mohd. Yakin. (2019). Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah. Borneo International Journal, 2(1), 5-15.